

Headline	Ini prestasi terbaikTNB		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Nov 2014	Language	Malay
Circulation	40,000	Readership	120,000
Section	Sukan	Page No	54
ArticleSize	178 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,121		



Ini prestasi terbaik TNB

PASUKAN Tenaga Nasional Berhad (TNB) akhirnya mencatat kemenangan sulung saingan Liga Hoki TNB-MHL selepas menewaskan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) 3-0 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, kelmarin.

Pada pertemuan itu, gol pertama TNB dihasilkan Muhammad Shahril Saabah sebelum digandakan jaringan menerusi pukulan sudut penalti dan Muhammad Ramadhan Rosli melengkapkan malam gemilang pasukan menerusi gol padang.

Jurulatihnya, Nor Saiful Zaini Nasiruddin memuji keseluruhan permainan pemainnya dan menyifatkan itu aksi terbaik mereka berbanding dua perlawanan

terdahulu yang berakhir dengan kekalahan.

"Pemain muda melakukannya dengan baik hari ini (kelmarin) dan ia adalah satu prestasi yang jauh lebih baik berbanding dua perlawanan pertama kami.

"Tetapi masih ada beberapa aspek yang perlu kita perbaiki dan harus lebih baik dalam pertandingan yang akan datang," katanya.

Sementara itu, pengendali UniKL, Arul Selvaraj menerima hakikat kegagalan memanfaatkan enam pukulan sudut penalti sebagai punca kehilangan tiga mata.

"Kami harus mengambil peluang tapi pada masa sama kami menyerahkan beberapa gol bodoh (kesalahan pertahanan)," katanya.



Pemain UniKL, Patrick Schultz (kanan) cuba bersaing dengan Shahril pada pertemuan Liga Hoki TNB-MHL, kelmarin.